

Percepat pelaksanaan kampus UMS, Kolej Kejururawatan Keningau

UB 29.09.2012 B6

Oleh JOHAN AZIZ

johanaziz54@gmail.com

KENINGAU: Bekas Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah, Datuk John Angian meminta kerajaan agar dapat mempercepatkan pelaksanaan kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kolej Kejururawatan yang kini masih menjadi tanda tanya kepada penduduk di sini.

"Rakyat sudah banyak kali bertanya, bila UMS dan kolej berkenaan diwujudkan di daerah ini," katanya kepada *Utusan Borneo* di sini kelmarin.

Katanya, selaku pemimpin di kawasan ini pastinya sukar untuk memberikan

jawapan yang tepat kerana perkara itu sudah beberapa kali diumumkan dalam media, tetapi pelaksanaannya sehingga kini belum dibuat.

John bimbang jika perkara itu berlanjutan, ianya bakal menjadi isu politik pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

"Kali pertama ianya diumumkan di Kampung Bayangan oleh Naib Canselor UMS pada ketika itu Datuk Mohd Noh Dalimin dan kini sudah empat tahun berlalu, namun kawasan tanah yang disediakan di Apin-Apin masih belum ada tanda-tanda pengwujudan kampus itu," katanya.

Beliau berkata, lebih 80 ekar tanah sudah disediakan untuk pengwujudan kampus

UMS itu tetapi setakat ini masih lagi terbiar dan sebagai pemimpin di kawasan itu, beliau prihatin terhadap keluhan rakyat yang inginkan kampus itu disegerakan pembinaannya.

Menurut beliau, sebelum ini juga beberapa pemimpin di kawasan Keningau turut menyuarakan pengwujudan kampus itu namun apa yang berlaku di sebaliknya, masih menjadi tanda tanya.

"Rakyat berpendapat bahawa janji kampus itu hanya cakap sahaja kerana sudah empat tahun berlalu sejak pengumumannya dibuat di Kampung Bayangan. Perkara ini sepatutnya diambil perhatian oleh kerajaan kerana ia melibatkan anak-anak pedalaman yang hendak

melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat IPTA," katanya.

Pada masa sama, John yang juga Timbalan Ketua Bahagian Upko Keningau turut menyuarakan pengwujudan sebuah Kolej Kejururawatan di tempat yang sama (Apin-Apin) dengan keluasan tanah 40 ekar yang sudah tersedia.

Menurutnya, pengwujudan kolej itu telah diumumkan oleh Ketua Menteri beberapa tahun lalu dan letaknya di kawasan Apin-Apin.

Beliau percaya pengwujudan kedua-dua IPTA itu akan menjadikan kebanggaan kepada penduduk pedalaman terutama daerah Keningau yang tidak perlu lagi pergi

jauh melanjutkan pelajaran mereka ke luar daerah ini.

"Kita juga faham bahawa masalah sering timbul apabila anak-anak ingin melanjutkan pelajaran mereka ke IPTA di luar daerah ini dan salah satu, ketidakmampuan dari kos pengangkutan termasuk sewa rumah (jika tidak tinggal di asrama) selain tidak ingin berjauhan dengan ibu bapa mereka," katanya.

John berharap pada Bajet 2013 yang dibentangkan bulan ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, kerajaan dapat meneruskan pengwujudan kampus UMS dan Kolej Kejururawatan di Apin-Apin sepetimana yang telah ditetapkan dengan kadar yang segera.